



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - Tindakan Sivill Untuk Dapatkan Kembali Dana KWAP Yang Dipinjam SRC - Lim](#)

🕒 Khamis, Sep 05 2019



KUALA LUMPUR, 4 Sept -- Kerajaan melalui syarikat SRC International Sdn Bhd (SRC) sedang giat mengambil tindakan sivil untuk mendapatkan semula dana RM4 bilion yang dipinjam SRC daripada Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP).

Menteri Kewangan Lim Guan Eng dalam kenyataan hari ini berkata kerajaan sedang mengambil langkah sewajarnya untuk memperoleh semula seberapa banyak daripada RM4 bilion dana tersebut.

"Kerajaan melalui SRC sedang giat mengambil tindakan sivil untuk tujuan tersebut dan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkenaan untuk menjejak wang berkenaan, selain bekerjasama dengan penasihat undang-undang untuk menentukan tindakan sivil yang boleh diambil bagi mendapatkan kembali aset SRC.

"Segala dana yang dapat dikembalikan kepada SRC dalam usaha di atas akan digunakan untuk membayar balik pinjaman KWAP," katanya.

Menurut Lim, langkah-langkah untuk mengembalikan wang itu tidak termasuk sebahagian dana SRC berjumlah RM42 juta yang didakwa telah diselewengkan dari SRC, merupakan perkara subjek tujuh pertuduhan jenayah yang masih berjalan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Lim berkata langkah ini akan mengurangkan beban kerajaan untuk membayar balik pinjaman tersebut bagi pihak SRC, dan menambah peruntukan untuk pembangunan ekonomi dan kebajikan rakyat.

SRC ialah anak syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebelum ia diambil alih oleh Kementerian Kewangan pada 2012, dan beban kewangannya (SRC) kini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Persekutuan.

Daripada dana RM4 bilion yang dipinjam, sebanyak RM3.6 bilion (US\$1.1 bilion) dipindahkan melalui beberapa anak syarikat luar pesisir kepada beberapa entiti dan bank di luar Malaysia, termasuk BSI Bank di Switzerland (lebih US\$800 juta), Bank Julius Baer & Co. Ltd di Hong Kong (US\$250 juta) dan sebuah syarikat eksplorasi arang batu di Mongolia (US\$ 60 juta).

-- BERNAMA



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

